



ARTIKEL BDCB

PEMBAYARAN SECARA DIGITAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SIRI 3 – KESELAMATAN SIBER KETIKA MENGGUNAKAN PLATFORM PEMBAYARAN SECARA DIGITAL

Impak COVID-19 Pada Pembayaran Secara Digital

Penularan COVID-19 dan arahan-arahan 'teranah di rumah' dan penjarakan social yang berkaitan telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembayaran secara digital. Ini termasuk pembayaran yang dibuat melalui Internet dan saluran mudah alih. E-dagang dan dagang mudah alih (*mobile commerce*) telah meningkat pada kadar yang pantas kerana para pelanggan lebih memilih untuk membeli belah secara atas talian. Ramai peniaga juga telah mengambil peluang ini untuk meningkatkan keuntungan dengan menyertai tren tersebut. Mengambil kira pembayaran secara atas talian memerlukan sedikit atau tiada kontak, atau tidak memerlukan sebarang interaksi fizikal, pembayaran secara digital adalah satu kaedah pembayaran yang dapat dipraktikkan sambil mengamalkan penjarakan sosial.

Oleh Itu, Marilah Kita Menuju Ke Arah Digital!

BDCB akan mengongsikan beberapa artikel mengenai pembayaran digital di Negara Brunei Darussalam, yang merangkumi kelebihan-kelebihannya, jenis-jenis perkhidmatan dan platform pembayaran digital yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam, dan cara-cara untuk menggunakannya dengan selamat.

Tingkatkan Pengetahuan Keselamatan Siber Awda

Memandangkan transaksi digital dan tanpa wang tunai semakin berleluasa pada masa ini, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan siber bagi melindungi diri daripada kerugian kewangan disebabkan oleh penipuan kewangan dan jenayah siber. Berikut adalah beberapa tips untuk melindungi diri awda daripada ancaman siber:

1. Sentiasa berwaspada.

Buat penilaian sewajarnya sebelum membuat transaksi secara atas talian. Sentiasa semak dan sahkan maklumat yang diterima dengan pihak-pihak berkenaan atau pihak berkuasa.

2. Kemaskini tahap keselamatan peralatan awda.

Pastikan peralatan teknologi awda sentiasa dikemaskini dan dilindungi oleh aplikasi anti-malware/anti-virus/anti-spyware dan firewall. Padam software atau aplikasi yang mencurigakan daripada peralatan awda.

3. Jangan klik pautan atau jawab panggilan yang mencurigakan.

Jangan terjebak kepada taktik penipuan phishing atau pesanan mesej SMS, e-mel dan panggilan yang memohon maklumat peribadi atau kewangan awda. Orang ramai juga dinasihati untuk tidak menerima pautan laman sesawang atau memuat turun fail yang mencurigakan. Sebaiknya, awda dinasihati untuk mengakhiri panggilan atau memadam pesanan tersebut dengan serta merta.

4. Hindari dari menggunakan sambungan tanpa wayar yang tidak dipercayai.

Elakkan menggunakan sambungan tanpa wayar seperti WiFi dan hotspot di tempat awam. Padam sejarah layaran dan cache setiap kali melayari sesi atas talian, terutama sekali jika awda menggunakan peralatan yang digunapakai bersama ataupun peralatan awam.

Bagi sebarang pertanyaan, pihak orang ramai bolehlah menghubungi 2388388 atau e-mel di info@BDCB.gov.bn

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 4 Safar 1442H / 22 September 2020M

Rujukan: BDCB/COMMS/5